

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN PUSAT / KEDAI GUNTING / SOLEK / MENDANDAN RAMBUT DAN RAWATAN KULIT MUKA (FACIAL)

BIL.	PERKARA
1.	Dinding dalam ditempat pekerjaan premis hendaklah disudahi bahan kalis air yang senang dicuci berwarna cerah seperti ubin gerlis, "epoxy", kaca, marmar, keluli dan bahan yang sama jenisnya.
2.	Lantai tempat pekerjaan hendaklah jenis "vinyl" atau ubin "non-slip" atau marmar atau bahan yang sama jenisnya.
3.	Mengadakan alat pemanasan air dan ubat kuman untuk mencuci alat-alat / perkakas mendandan / potong rambut, kain tuala, apron dan sebagainya.
4.	Pisau pencukur hanya boleh digunakan sekali sahaja dan perlu diganti baru selepas digunakan (disposable).
5.	Menggunakan mesin 'vaccum' untuk membersihkan segala rambut yang dipotong.
6.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
7.	Mempamerkan papan tanda "larangan merokok" (ukuran 40smX50sm) , "utamakan keselamatan", "menjaga kebersihan" dan "menggunakan alat pelindungan" yang sempurna dan mencukupi.
8.	Semua pekerja hendaklah memakai pakaian seragam, bersopan, bersih serta berwarna cerah dan memakai tanda nama (name tag).
9.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti ubat dan lain-lain alat perubatan yang perlu untuk kegunaan pekerja.
10.	Tempat perniagaan hendaklah berkONSEP terbuka dan tidak boleh adakan bilik-bilik.
11.	Pekerja yang mempunyai penyakit kulit atau sakit tidak dibenarkan bekerja di premis.
12.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya.
13.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air Jabatan Bekalan Air / Elektrik dan sistem pembentungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat.
14.	Memberi nama syarikat kutipan sampah kilang yang dilesenkan oleh MDKS
15.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
16.	Semua premis termasuk kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan.
17.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk / keluar dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
18.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang dipremis untuk tempat tidur (penginapan) atau makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS.
19.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa kebenaran atau lesen dari pihak MDKS.